



جَمِيعَ مُفْتَنَاتِي رَبِّي قَمَعَ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 05/2025



IBADAH HAJI

30 MEI 2025/2 ZULHIJJAH 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَذْنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رَجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ
كُلِّ فَجْعٍ عَمِيقٍ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah Taala di dunia dan akhirat

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Pada detik ini saudara kita umat Islam yang diberi peluang menjadi tetamu Allah Taala telah berada di tanah Suci Mekah untuk menunaikan kewajipan ibadat Haji. Semoga Allah Taala memberikan keselamatan dan kesejahteraan serta memudahkan urusan ibadat mereka untuk menyempurnakan ibadat Haji. Sesungguhnya mereka adalah manusia



yang bertuah dan paling beruntung kerana mendapat peluang tersebut daripada kalangan ratusan juta umat Islam yang mempunyai impian yang sama.

Pada masa yang sama marilah kita berdoa agar Allah Taala memberi kesempatan yang sama kepada kita untuk menunaikan kewajipan ini bagi siapa yang belum melaksanakannya. Ketahuilah sesungguhnya ibadat haji merupakan salah satu rukun Islam yang lima, yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim yang memiliki kemampuan. Justeru, setiap muslim mestilah menanam di dalam hati serta berazam untuk menunaikan kewajipan ibadah haji. Firman Allah Taala dalam Surah Ali-Imran ayat 97:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلِلّٰهِ عَلٰى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Yang bermaksud: “*Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.*”

Ganjaran pahala melaksanakan ibadat haji adalah amat besar. Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَرَاءٌ إِلَّا جَنَّةً

Yang bermaksud: “*Ibadah umrah kepada umrah berikutnya adalah kaffarah (penghapusan dosa) di antara kedua-duanya. Dan haji yang mabrur tiada balasan (bagi pelakunya) melainkan syurga.*”

Orang yang sedang menunaikan ibadat haji dimuliakan sehingga mereka disebut sebagai tetamu Allah sebagaimana hadis riwayat Ibnu Majah, Rasulullah sallallahu `alaihi wasallam bersabda yang bermaksud:

“Orang yang pergi haji dan umrah adalah tetamu Allah Taala. Jika mereka memohon kepada Allah, maka Dia akan mengabulkannya, dan jika mereka meminta ampun kepada Allah, maka Dia akan mengampuninya.”

Kaum muslimin yang berbahagia,

Sesungguhnya musafir menunaikan haji mempunyai banyak kelebihan dan terpahat dalam ingatan seseorang itu sehingga ke akhir hayatnya. Firman Allah Taala berkenaan manfaat ibadat Haji dalam surah al-Haj ayat 28 yang bermaksud:

“(Melaksanakan ibadat haji adalah) supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu.”

Ibadat haji membawa seseorang muslim berada dalam suasana pengabdian dan penyerahan diri kepada Allah Taala sepanjang masa. Tumpuan kita di tanah suci hanya untuk beribadat tanpa menyibukkan diri dengan kehidupan duniawi dan harta benda. Sabda Rasulullah sallallahu `alaihi wasallam menjelaskan kelebihan wukuf di Arafah dalam hadis Qudsi riwayat Ibnu Hibban yang bermaksud,

“Tiada hari yang paling baik di sisi Allah Taala melainkan Hari Arafah. Allah Taala bermegah-megah kepada penduduk langit kerana amalan penduduk dunia, lantas Allah Taala berfirman: “Lihatlah kepada hamba-hamba-Ku, mereka berkumpul kepada-Ku dalam keadaan



penuh debu dan kusut, mereka datang dari semua penjuru yang jauh, mereka mengharapkan rahmat-Ku, dan tidak memandang kepada azab-Ku, Maka hari yang lebih banyak pelepasan daripada api neraka-Ku ialah hari Arafah.”

Ibadat haji juga membawa kita semua menghayati kehidupan manusia tanpa mengenal darjat, bangsa, warna kulit dan budaya. Ini semua mengajar kita untuk bertolak ansur, merendah diri dan saling menghormati kerana hakikatnya kita semua adalah sama di sisi Allah Taala. Sifat inilah yang akan membentuk perpaduan dan penyatuan mereka bagi membina kekuatan umat Islam dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Ibadat haji diwajibkan sekali seumur hidup, namun masih terdapat dalam kalangan umat Islam yang tidak mengambil berat dengan kewajipannya. Mulakan langkah dengan mendaftarkan diri bagi menunaikan haji dengan pihak Tabung Haji kerana pendaftaran boleh dibuat dengan simpanan serendah RM1300.00. Ingatlah bahawa memperolehi visa haji yang sah merupakan antara satu syarat kemampuan untuk menunaikan haji. Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

“Telah diwajibkan atas kamu ibadah haji, maka tunaikanlah (ibadah haji tersebut).”

Marilah kita mengambil peringatan daripada kata-kata Imam al-Nawawi dalam kitab al-Majmuk: Sesiapa yang melewatkhan haji (dalam keadaan dia mampu) kemudian dia meninggal dunia, jelaslah bahawa dia mati dalam keadaan berdosa disebabkan oleh kecuaianya.



Namun begitu, kita hendaklah berhati-hati dengan kewujudan sindiket penipuan ibadah haji oleh pengajur yang tidak bertauliah. Mereka menawarkan pakej palsu dan janji manis bahawa mereka boleh memberikan kuota haji kepada para jemaah. Rujuklah kepada pihak Tabung Haji bagi mengesahkan syarikat pengendali serta tawaran tersebut. Langkah-langkah keselamatan tersebut mampu menggelakkan para jemaah terjebak dengan sindiket penipuan.

Khatib juga ini mengingatkan kepada pengendali Umrah dan Haji agar sentiasa memastikan pakej yang ditawarkan kepada masyarakat adalah munasabah dan dalam kemampuan syarikat. Syarikat hendaklah memenuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Kesimpulannya, marilah kita berniat, berazam dan berdoa agar dapat menunaikan ibadat Haji kerana ia adalah salah satu rukun Islam, dan dengan menunaikannya kita akan merasai kedudukan kita sebagai hamba Allah Taala yang perlu beribadat kepada-Nya setiap masa. Ibadat Haji juga membina semangat perpaduan dan persaudaraan sesama Islam tanpa mengira darjah dan kedudukan.

Jadikanlah ibadat haji satu keutamaan dalam kehidupan (sekiranya mampu) kerana sengaja menangguhkannya adalah berdosa. Walaupun begitu berhati-hatilah dengan tawaran ibadah haji daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَلْحَجُ أَشْهُرُ مَعْلُومَاتٍ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ أَلْحَجَ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقٌ وَلَا جِدَالَ فِي
أَلْحَجِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ حَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ حَيْرَ الْزَّادِ التَّقَوَىٰ وَأَنَّقُونِ
يَأْوِي الْأَلْبَابِ ﴿١٧﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.